



**“MUAFAKAT KEDAH”**

Ruj.Kami: JPK.SKPP.UNP.S.500-/3/20/4/ Jld.1 (1)  
Tarikh : 16 Oktober 2017

**Semua Ketua Sektor, Jabatan Pendidikan Kedah**  
**Semua Pegawai Pendidikan Daerah**  
**Semua Pengetua Sekolah Menengah**  
**Semua Guru Besar Sekolah Rendah**  
**Negeri Kedah Darul Aman**

Tuan/Puan,

**PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (P.P.C.) DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2017**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, **Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.)** telah diperkenalkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013 manakala **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** pula adalah berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2002. Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan tersebut, dasar penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah seperti berikut:-

- 2.1 Bilangan keseluruhan penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) bagi setiap agensi **tidak boleh melebihi 3/8 peratus daripada jumlah keseluruhan penerima A.P.C dan P.P.C** pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian. Sekiranya pada tahun berkenaan **tiada** pegawai perkhidmatan awam yang layak menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) kuota tersebut boleh digunakan untuk pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).
- 2.2 Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) yang telah diterima oleh pegawai boleh ditarik balik mengikut Fasal V, Statut Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) dan perenggan 7 Peraturan-Peraturan Yang Menentukan Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang bagi keadaan seperti berikut:-
  - 2.2.1 Pegawai telah disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan fraud, Kecurangan atau keburukan akhlak; atau
  - 2.2.2 Pegawai hilang taraf kewarganegaraan; atau
  - 2.2.3 Pegawai disifatkan berkelakuan tidak sesuai sebagai penerima pingat oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).

3. Sehubungan dengan itu, bagi calon **Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)** tuan/puan diminta mengenal pasti pegawai yang berpotensi serta **memperolehi markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan 2017 (LNPT) 85% dan ke atas** supaya mengisi borang Penilaian Kegiatan Dan Sumbangan yang boleh dimuat turun di laman web Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my). Hanya pegawai yang **memperolehi 10 markah dan ke atas** dalam

**“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**

Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



borang tersebut layak dipertimbangkan bagi penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.). Manakala bagi calon Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), tuan/puan diminta mengenal pasti pegawai yang berpotensi serta memperolehi markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan 2017 (LNPT) 85% dan ke atas. Calon PPC dan APC yang telah siap dinilai dan dikenalpasti hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing untuk tindakan selanjutnya.

4. Sebarang pertanyaan tentang urusan ini, sila hubungi Unit Naik Pangkat, Jabatan Pendidikan Kedah Darul Aman, Encik Fandi Bin Shamsudin di talian 04 7404145, Encik Mohd Sobri Bin Zakaria, di talian 04-7404148.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“MUAFAKAT KEDAH”**  
**“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATIN PADUKA DATO' HAJAH AZUYAH HASSAN)**  
Pengarah Pendidikan Kedah

s.k.

- 1) Semua Penyelia ICT di PPD  
Sila masukkan surat ini dalam Portal Rasmi di PPD masing-masing